

10 FEB 2002

Mahathir-Perutusan

AMBIL PELUANG SAMBUTAN TAHUN BARU RAPATKAN HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat menggunakan perayaan Tahun Baru Cina pada Selasa ini untuk merapatkan lagi hubungan antara kaum.

Dengan mengunjungi rumah rakan-rakan dan menggunakan peluang itu untuk merapatkan hubungan, beliau berkata ia akan menjamin keharmonian dan kesejahteraan di negara ini.

"Sempena hari yang berbahagia ini, saya sekali ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama, supaya bersama-sama memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina ini," katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina 2002, yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang kini melawat Antartika berharap rakyat mengambil peluang merenung keistimewaan menjadi warganegara Malaysia, sebuah negara yang aman, makmur dan stabil.

Sambil melahirkan keyakinan bahawa sambutan Tahun Baru Cina kali ini akan tetap meriah seperti tahun-tahun yang lepas, beliau berkata rakyat harus bersyukur kerana dalam keadaan dunia yang tidak menentu terutama daripada segi ekonomi, rakyat negara ini tidak menghadapi terlalu banyak rintangan dan kesusahan.

"Apabila kita mengadakan rumah terbuka bagi saudara-mara dan sahabat-sahabat kita, makanan dan minuman melimpah dengan begitu banyak sekali," katanya.

"Yang miskin dan yang kurang upaya juga tidak dilupakan dan turut diraikan oleh golongan yang berada. Begitulah mewahnya kehidupan rakyat Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata kemewahan itu sebenarnya tidak datang begitu sahaja tanpa usaha dan kerjasama rakyat berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya yang memilih jalan sederhana, bertoleransi, bersatu padu dan hidup dengan aman dan harmoni.

Kejayaan Malaysia telah terbukti malah Malaysia kini amat dihormati oleh masyarakat dunia sebagai negara membangun yang termaju dan kemakmurannya menyebabkan orang asing berpusu-pusu ke Malaysia mencari pekerjaan dan melabur.

Bagaimanapun, katanya ada golongan kecil yang tetap tidak berpuashati dan membuat pelbagai tuntutan dengan menggunakan pelbagai cara termasuk mengenakan tekanan terhadap kerajaan bagi memperjuangkan agenda sempit mereka.

"Kita harus tanya kepada diri kita, adakah kita mahu golongan minoriti seperti ini menghancurkan kejayaan dan kemakmuran yang telah kita kecapai dan bina selama ini?" katanya.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata semua golongan di Malaysia mempunyai peranan masing-masing untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju.

Wawasan 2020 adalah tanggungjawab semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat Cina juga mempunyai peranan yang penting untuk membantu negara mencapai matlamat itu.

Beliau berkata masyarakat Cina merupakan komponen yang penting di negara ini dan kerajaan amat sedar akan sumbangan mereka dalam pelbagai bidang di negara ini.

"Kerajaan berharap masyarakat Cina akan terus berusaha ke arah meninggalkan lagi pencapaian negara dalam bidang-bidang tertentu. Harapan kerajaan ialah supaya masyarakat Cina terus memberikan kerjasama kepada

usaha memperkuat perpaduan kaum," katanya.

Abdulah berkata dalam konteks masa kini dengan gejala ekstrim yang muncul mencabar pihak berkuasa, kerajaan tidak akan bertolak ansur sekiranya keselamatan negara terancam ataupun ketenteraman awam terganggu.

Sejak serangan ganas ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas, dunia telah berubah secara radikal.

Perhatian dunia kini tertumpu pada kemungkinan ancaman akan muncul dengan tidak disangka-sangka, bila dan di mana sahaja dan sesiapa pun, sama ada negara kecil atau kuasa besar tidak terlepas daripada ancaman ganas, katanya.

"Saya ingin merayu kepada semua kaum di Malaysia supaya terus mengamalkan sikap dan pendirian rasional dalam apa jua isu yang timbul.

"Kita semua harus peka dengan perkara-perkara sensitif yang mungkin menjadi kontroversi dan tidak dapat dikawal jika kita tidak cermat mengendalikannya," katanya.

-- BERNAMA

HS AZZ PR